

MAHATHIR

(I)

KUALA LUMPUR, 14 NOV. (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MEMBERI AMARAN MENGENAI BAHAYA DEMOKRASI DIMUSNAHKAN OLEH PENGARUH-PENGARUH BARU YANG BERTINDAK MELAMPAUI HAK-HAK DEMOKRASI MEREKA, DAN MENEKANKAN PERLUNYA DIAWASI MELALUI BIDANG PERUNDANGAN HAD-HAD KEBEBASAN YANG DIBERIKAN KEPADA INSTITUSI-INSTITUSI YANG DIBENARKAN DALAM PROSES DEMOKRASI.

PERDANA MENTERI BERKATA, DEMOKRASI DI TERLALU BANYAK NEGARA TELAH DIMUSNAHKAN MELALUI PERKEMBANGAN SEPERTI ITU.

+SEJAK KEBELAKANGAN INI, GOLONGAN-GOLONGAN BARU YANG BERPENGARUH TELAH MUNCUL. PELBAGAI JENIS KUMPULAN PENDESAK TELAH MUNCUL YANG BUKAN SAHAJA MENCABAR PIHAK BERKUASA TETAPI MENDAKWA MEMPUNYAI KUASA YANG SECARA SAHIHNYA BUKAN HAK MEREKA,+ KATANYA KETIKA MERASMIKAN PERSIDANGAN UNDANG-UNDANG MALAYSIA KELAPAN DI SINI.

PERSIDANGAN TIGA HARI ANJURAN MAJLIS PEGUAM MALAYSIA ITU, TURUT DIHADIRI OLEH PARA PEMERHATI DARI SINGAPURA, INDONESIA DAN FILIPINA.

+SETIDAK-TIDAKNYA KEUPAYAAN KEMUSNAHAN KUMPULAN-KUMPULAN PENDESAK ITU AGAK JELAS,+ KATANYA.

BELIAU BERKATA BAHAWA REAKSI PIHAK YANG BERKUASA KEPADA CABARAN YANG BOLEH MEMUSNAHKAN ITU TERHADAP KUASA MEREKA ADALAH SAMA ADA SECARA PENEKANAN BERTERUSAN ATAU MENGURANGKAN TANGGUNGJAWAB MEREKA.
-- LAGI

MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

(I)

JIKA PIHAK BERKUASA YANG SAHIH MEMILIH UNTUK MENGURANGKAN TANGGUNGJAWABNYA, AKIBATNYA AKAN MUNCUL KEADAAN ANARKI DAN SETERUSNYA AKAN MEMPENGARUHI KUASA-KUASA YANG BERMINTA UNTUK MERAMPAS KUASA, MENGENEPIKAN DEMOKRASI DAN MEMERINTAH SECARA MENEKAN TERUS-MENERUS UNTUK KEKAL BERKUASA, KATANYA.

WALAU APA CARA SEKALIPUN, BELIAU BERKATA, CABARAN YANG BOLEH MEMUSNAHKAN KEPADA PIHAK BERKUASA DALAM NEGARA DEMOKRASI AKAN MENYEBABKAN BERLAKU PENINDASAN DAN KEMUSNAHAN DEMOKRASI.

UNTUK MENGEKALKAN DEMOKRASI, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA, PEMBAHAGIAN DAN KESEIMBANGAN KUASA DI KALANGAN PENGGUBAL UNDANG-UNDANG, EKSEKUTIF DAN KEHAKIMAN PERLU DIAWASI.

+KEBEBASAN BERCAKAP DAN KEBEBASAN AKHBAR TIDAK BERMAKNA LESEN TANPA HAD. GOLONGAN MINORITI JUGA TIDAK MEMPUNYAI HAK TANPA BATAS. KUMPULAN-KUMPULAN PENDESAK PERLU TAHU BILA UNTUK BERHENTI,+ KATANYA.

PERDANA MENTERI MEMPERCAYAI BAHAWA JIKA SEMUA ITU DIFAHAMI DAN DIPATUHI, DEMOKRASI AKAN TERUS HIDUP. -- LAGI

MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR

(I)

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA BERKATA BAHAWA PEMULIHAN KEPADA DEMOKRASI AKAN MENELAN KOS YANG TINGGI ATAU TIDAK DAPAT DIPULIHKAN SEPENUHNYA APABILA IA TELAH DIMUSNAHKAN.

MENGENAI, PENGGUBALAN UNDANG-UNDANG, BELIAU MENYENTUH TENTANG KEPERLUAN UNTUK MEMBERI KEPENTINGAN KEPADA SEMANGAT ATAU TUJUAN UNDANG-UNDANG ITU DIGUBAL DARIPADA MENURUT PENAFSIRAN SECARA SEMPIT UNDANG-UNDANG ITU.

BELIAU MELAHIRKAN RASA KESALNYA BAHAWA DALAM KES INI PENAFSIRAN SEMPIT UNDANG-UNDANG LEBIH DIPENTINGKAN DAN BEGITU JUGA PERINTAH-PERINTAH YANG MEMBERIKAN PERUNTUKAN BERKENAAN.

PERINTAH-PERINTAH ITU BERTUJUAN MENGHALANG PERLAKUAN KETIDAKKEADILAN YANG TIDAK DAPAT DITARIK BALIK, TETAPI, SECARA TEKNIKAL INDIVIDU-INDIVIDU BERUPAYA MEMERAS UGUT ORGANISASI-ORGANISASI BESAR, DENGAN MELETAKKAN UNDANG-UNDANG DI TEMPAT YANG HINA.

MENGENAI STRUKTUR SISTEM PERUNDANGAN NEGARA INI, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA, RAKYAT MALAYSIA BERNASIB BAIK KERANA PIHAK KEHAKIMAN JUJUR DAN CEKAP SERTA BEBAS DARIPADA EKSEKUTIF. -- LAGI

D292

U B979 DEB
MAHATHIR 4 KUALA LUMPUR
(I)

+DALAM BANYAK MAHKAMAH DI TERLALU BANYAK NEGARA, SESEORANG ITU
DISIFATKAN BERSALAH SEHINGGA DIBUKTIKAN...PENGARUH.+

BELIAU, BAGAIMANAPUN, MEMINTA PARA PENGAMAL KEHAKIMAN DAN
PERUNDANGAN UNTUK BEKERJASAMA BAGI MEMPERBAIKI +PROSES PERUNDANGAN+
DI NEGARA INI YANG, MENURUTNYA, ADA KALANYA TERLALU LEMBAB WALAUPUN
TELAH DIKATAKAN BAHAWA KEADILAN YANG DITANGGUHKAN ADALAH PENAFIAN
KEADILAN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA, SISTEM PERUNDANGAN YANG
BERKESAN DAN CEKAP DAPAT DICAPAI MELALUI KERJASAMA, SALING
MENGHORMATI DAN MEMAHAMI ANTARA MEREKA DALAM PERKHIDMATAN
PERUNDANGAN DAN KEHAKIMAN DAN PEGUAM SELARAS DENGAN NILAI-NILAI
MALAYSIA. -- BERNAMA
1539MST 14 11 85